RABBANI BOOKS & MEDIA

Dr Muhammad
Sa'id Ramadan al-Buti

MUKJIZAT AL-QURAN

HURAIAN DAN KUPASAN TERKINI

PENTERJEMAH:
MOHD FAUZAN BIN ABDULLAH

MUKJIZAT AL-QURAN

HURAIAN
dan
KUPASAN TERKINI

oleh
Dr Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti

Penterjemah:
Mohd Fauzan bin Abdullah

Editor:
Abdul Rauf Baharuddin

Terbitan
Rabbani Books & Media

Dengan Kerjasama
Akademi Tadabbur
Rumah Ngaji

Melaka
2021

MUKJIZAT AL-QURAN: HURAIAN & KUPASAN TERKINI
oleh Dr Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti
HakCipta / *Copyright* © Rabbani Books & Media
Cetakan Pertama Julai 2021

Hakcipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Rabbani Books & Media.

Penterjemah: Mohd Fauzan bin Abdullah

Editor: Abdul Rauf Baharuddin

Reka Bentuk Kulit: Yosh Studio

Reka Letak: Abu Hasan

Buku ini adalah terjemahan dan suntingan daripada siri rancangan televisyen Pengajian al-Quran yang disampaikan oleh Dr Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti dengan judul: *al-Jadid fi I'jaz al-Quran*

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Rabbani Books & Media
C 8464 Lorong Pulau Ketam,
Kampung Bukit Pulau,
Bukit Baru, 75150 Melaka.
Tel: 011-35863923
Emel: rabbanibookspublications@gmail.com

ISI KANDUNGAN

Kata Penerbit ix

Pendahuluan 1

Bab 1: Pengertian Mukjizat al-Quran 5

Bab 2: Hakikat Mukjizat Nombor 17

Bab 3: Bukti Penyaksian ke atas Mukjizat al-Quran .. 27

Bab 4: Bolehkah Perkataan dalam al-Quran ditukar dengan Sinonim? 33

Bab 5: Allah Jadikan pada Bulan Ada Cahaya serta Dia Jadikan Matahari sebagai Lampu 49

Bab 6: Bumi Setelah Itu Dihamparkan-Nya 59

Bab 7: Ungkapan al-Quran "Tempat Terbit Matahari" dengan Kata Tunggal, Bilangan Dua dan Jamak Menunjukkan Kontradiksi? 71

Bab 8: Mukjizat Perkara Ghaib 83

Bab 9: Mereka Bertanya kepadamu tentang Roh. Katakanlah, "Roh adalah Urusan Tuhanku" 99

Bab 10: Aku Tidak Hadirkan Mereka Menyaksikan Penciptaan Langit dan Bumi 113

Bab 11: Kami Akan Perlihatkan Kepada Mereka Tanda-Tanda Keagungan Kami 131

Bab 12: Apakah Yang Baru Pada Tanda-Tanda Keagungan Tuhan? 143

Bab 13: Contoh-Contoh Tanda Keagungan Tuhan (I) 155

Bab 14: Contoh-Contoh Tanda Keagungan Tuhan (II) 167

Bab 15: Contoh-Contoh Tanda Keagungan Tuhan (III) 185

Bab 16: Aspek Yang Menarik Perhatian dalam Kemukjizatan Syariat Islam (I) 201

Bab 17: Aspek Yang Menarik Perhatian dalam Kemukjizatan Syariat Islam (II) 209

Bab 18: Peraturan Allah yang Benar-Benar Terjadi (I) 223

Bab 19: Peraturan Allah yang Benar-Benar Terjadi (II) 235

Bab 20: Peraturan Allah yang Benar-Benar Terjadi (III) 249

Bab 21: Peraturan Allah yang Benar-Benar Terjadi (IV) 263

Bab 22: Peraturan Allah yang Benar-Benar Terjadi (V) 281

Bab 23: Ciri Kemanusiaan Sejagat dalam al-Quran (I) 297

Bab 24: Ciri Kemanusiaan Sejagat dalam al-Quran (II) 309

Bab 25: Pengulangan dalam al-Quran..... 321

Bab 26: Mengapa al-Quran tidak Disusun dalam Fasal dan Bab..... 345

Bab 27: Setiap Kali Keluar Penemuan Sains, Agamawan Mengatakan Perkara ini Terdapat dalam al-Quran!..... 355

Bab 28: Adakah Taman-Taman Syurga (Jannah) adalah Cara al-Quran Menguasai Orang-Orang Arab yang Tinggal di Padang Pasir?..... 361

Bab 29: Bidadari Syurga untuk Lelaki Sahaja?..... 377

Bab 30: Maksud al-Quran Mengandungi Pelbagai Sudut Kefahaman..... 389

PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ العَالَمِينَ،

وَأَفْضَلُ الصَّلَاةِ وَأَتَمُّ التَّسْلِيمِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

وَعَلَى اَلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Dengan taufik daripada Allah, kita akan membincangkan tentang aspek-aspek baharu mukjizat al-Quran.

Kita semua telah mengetahui bahawa perbahasan tentang ilmu mukjizat al-Quran berkembang sama ada pada kurun yang lepas atau pada zaman kita sekarang.

Mungkin ada yang ingin mempersoalkan bahawa semua perkara berkaitan dengan mukjizat al-Quran telah habis diperkatakan, dan tiada lagi perkara-perkara baru yang lebih banyak daripada apa yang telah kita dengar dan baca.

Namun hakikatnya, rantaian ilmu-ilmu baru yang boleh dikaji tentang mukjizat al-Quran tidaklah terputus dan tidak akan habis. Ia tidak terhenti pada satu tempoh waktu sahaja. Jika terhenti rantaian ilmu yang lahir daripada mukjizat al-Quran, maka akan ternafilah

keistimewaan mukjizat al-Quran yang melebihi segala mukjizat yang dikurniakan kepada Nabi-Nabi yang lain.

Apakah beza antara mukjizat yang telah diberi kepada Nabi Musa, Nabi Isa dan Nabi-Nabi terdahulu, dibandingkan dengan mukjizat al-Quran yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ?

Bezanya adalah seperti berikut; mukjizat terdahulu sudah terhenti, dan jadilah ia sejarah yang disebut-sebut setelah pemergian Rasul yang membawanya. Tiada perkara baru yang berterusan setelah zaman Nabi tersebut. Manakala mukjizat al-Quran mengatasi keistimewaan mukjizat terdahulu kerana ia masih kekal berterusan.

Apakah maksud berterusan?

Maksudnya ialah setiap orang pada setiap zaman boleh mengambil rantaian ilmu mukjizat al-Quran yang baru. Pada setiap zaman manusia boleh menyingkap sudut-sudut baru mukjizat al-Quran yang sesuai untuk zaman seseorang itu hidup walhal ia tidak pernah difikirkan oleh orang-orang sebelum zaman itu. Makna-makna baharu yang tidak putus-putus difahami daripada al-Quran inilah yang membezakan mukjizat al-Quran daripada mukjizat-mukjizat Rasul sebelumnya.

Terdapat dimensi baharu yang boleh kita perkatakan, dan ia tidak pernah dinyatakan oleh ulama-ulama silam. Bahkan lebih daripada itu, mungkin kita pernah mendengar beberapa tahun lepas tentang perkara-perkara yang ajaib dalam ilmu mukjizat al-Quran, maka jadilah makna terakhir bagi ayat itu adalah yang kita dengar itu sahaja. Namun, adakah tiada makna pentafsiran yang baru daripada ayat itu? Tidak! Anda akan mendengar ilmu yang baru dengan izin Allah yang tidak pernah anda dengar sebelum ini.

Saya berjanji tidak akan merumit atau menyulitkan penerangan tentang sisi mukjizat al-Quran yang baharu ini. Saya tidak akan mendatangkan perbahasan yang jauh menyimpang daripada makna sebenar yang dibawa oleh al-Quran.

Sebaliknya, untuk memudahkan pemahaman, saya akan membawa kepada perbincangan yang berbentuk dialog meskipun hanya saya yang berkata-kata dan anda hanya mendengar. Dengan itu, kita akan mendapati bahawa al-Quran tidak akan pernah terhenti maknanya seperti yang pernah disifatkan oleh Sayidina Ali ﷺ.

Oleh itu, tajuk perbahasan kali ini ialah 'Aspek-Aspek Baru Mukjizat al-Quran'. Anda akan dapati – dengan izin Allah – bahawa inti perbincangan kita kelak akan menepati tajuk ini. Dalam perbahasan mengenai mukjizat al-Quran ini nanti, anda tidak akan mendengar perkara-perkara yang pernah ditulis pada kurun-kurun sebelum ini. Kita akan membongkar khazanah al-Quran supaya dapat kita temui perkara-perkara baru yang menepati zaman ini.

BAB 1:
PENGERTIAN MUKJIZAT AL-QURAN

Sebelum saya mendefinisikan mukjizat, seharusnya saya memberi peringatan terhadap satu perkara yang sangat penting.

Hal tersebut ialah tiada jalan lain untuk seseorang memahami aspek-aspek mukjizat dalam al-Quran melainkan ia menghabiskan masa untuk membaca, memahami, mendalami, dan men*tadabbur* makna al-Quran. Seseorang yang tiada jambatan ilmu untuk mendalami dan men*tadabbur* al-Quran dan tidak teliti dalam tilawahnya, sangat sukar untuk saya terangkan makna mukjizat al-Quran.

Hal ini demikian kerana terdapat satu kaedah Arab atau kaedah logik yang mengatakan:

الحُكْمُ عَلَى الشَّيْءِ فَرْعٌ عَنْ تَصَوُّرِهِ.

Terjemahan: *Hukum (penilaian) ke atas sesuatu itu ialah cabang (lanjutan) daripada gambarannya.*

Iaitu saya tidak boleh menetapkan sesuatu hukum terhadap sesuatu perkara jika saya tidak dapat menggambarkan perkara itu.

Semua perkara ini memberi bukti yang jelas mengenai ayat Allah ﷻ:

﴿ إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا ٱلذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ٩ ﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.*

(*Surah al-Hijr* 15: 9)

Walau bagaimanapun, perancangan-perancangan ini masih berjalan, manakala pemimpin-pemimpin tidak memerhatikan perkara ini. Tidak cukup dengan langkah-langkah yang telah diambil iaitu dengan semata-mata menyemarakkan pembacaan al-Quran.

Hal ini mewujudkan ketakseimbangan dalam masyarakat. Di satu pihak, wujud pemuda-pemuda atau anak-anak yang membaca al-Quran dengan sangat baik dan menghafalnya, sedangkan di pihak yang lain terdapat dalam kalangan masyarakat yang tidak tahu langsung tentang al-Quran. Perkara yang berlawanan ini akan mencetuskan permasalahan.

Akan berlaku pertembungan antara golongan yang mengatakan al-Quran itu agung, mukjizat, dan keperluan menggalas perintah-perintah dalamnya dengan golongan yang menafikannya dan menganggap al-Quran hanyalah seperti sebuah buku biasa disebabkan mereka tidak mengenalnya.

Perhatikan bagaimana berlaku pertembungan ini. Jika anda meminta kepada golongan kedua membaca tiga ayat al-Quran, mereka tidak mampu membacanya dengan betul.

Pertembungan ini perlu dileraikan. Perlunya ada keseragaman dalam masyarakat Arab supaya ada

Kali ini kita mengkaji beberapa contoh lagi tentang perkara ini supaya jelas kebenaran perkara yang saya katakan dan supaya dapat kita menghayati keajaiban ayat-ayat al-Quran ini. Firman Allah ﷻ tentang alam ini:

﴿ ءَأَنتُمۡ أَشَدُّ خَلۡقًا أَمِ ٱلسَّمَآءُۚ بَنَىٰهَا ٢٧ رَفَعَ سَمۡكَهَا
فَسَوَّىٰهَا ٢٨ وَأَغۡطَشَ لَيۡلَهَا وَأَخۡرَجَ ضُحَىٰهَا ٢٩
وَٱلۡأَرۡضَ بَعۡدَ ذَٰلِكَ دَحَىٰهَآ ٣٠ أَخۡرَجَ مِنۡهَا مَآءَهَا
وَمَرۡعَىٰهَا ٣١ وَٱلۡجِبَالَ أَرۡسَىٰهَا ٣٢ ﴾

Terjemahan: *(Wahai golongan yang ingkarkan kebangkitan hidup semula!) Kamukah yang sukar diciptakan atau langit? Tuhan telah membinanya (dengan kukuh)! Ia telah meninggikan bangunan langit itu lalu menyempurnakannya, dan Ia menjadikan malamnya gelap-gelita, serta menjadikan siangnya terang-benderang. Dan bumi sesudah itu dihamparkan-Nya (untuk kemudahan penduduknya). Ia mengeluarkan dari bumi itu: airnya dan tumbuh-tumbuhannya; Dan gunung-ganang pula dikukuhkan letaknya (di bumi, sebagai pancang pasak yang menetapnya).*

(*Surah al-Nazi'at* 79: 27-32)

Setiap perkataan dalam ayat-ayat ini dipilih dengan begitu tepat sekali. Kita meneliti perkataan ﴿دَحَىٰهَآ﴾. Jika kita melihat kepada Bahasa Arab, perkataan ﴿دَحَىٰهَآ﴾ memberi makna untuk menjadikannya bulat, meluaskannya dan meratakannya. Ini tertulis dalam Bahasa Arab, dan al-Quran menggunakan perkataan ﴿دَحَىٰهَآ﴾ di sini.

Apabila kita menukar perkataan ﴿دَحَىٰهَآ﴾ dengan perkataan lain, contohnya (دَوَّرَهَا) yang bermaksud "untuk menjadikannya bulat", maka gambaran ayat akan hilang. Begitu juga dengan perkataan (عَظَّمَهَا) yang bermaksud "membesarkannya dan meluaskannya", maka gambarannya juga hilang. Gambaran tepat yang ingin disampaikan kepada seluruh peringkat manusia itu oleh al-Quran akan hilang. Tiada perkataan yang mampu untuk menyampaikan kefahaman kepada semua golongan seperti ulama, orang awam, dan ahli astronomi melainkan perkataan yang telah dipilih oleh al-Quran.

Orang Arab apabila membaca perkataan itu, maka dia memahami maksudnya bumi ini luas, besar dan rata. Orang yang berpengetahuan pada zaman sekarang membacanya –setelah mengetahui bentuk bumi adalah sfera/bujur- dia memahami bumi ini berbentuk sfera kerana perkataan ﴿دَحَىٰهَآ﴾ memberi makna "menjadikannya bulat". Perkataan (أُدْحِيَّة) –yang sama kata akarnya– memberi makna telur burung unta kerana bentuknya bujur dan tidak betul-betul bulat. Oleh itu,perkataan itu memberi faham kepada orang awam mengikut kemampuannya, kepada orang berpengetahuan mengikut kemampuan mereka dan kepada ahli yang berkepakaran.

Bukti bagi penggunaan perkataan ini dalam syair Arab ialah ucapan Ibnu Rumi yang menggunakan perkataan ini untuk memberi dua makna iaitu "dihamparkan" dan "bulat". Kata beliau dalam menyifatkan pembakar roti:

ما أنسَ لا أنسَ خبازاً مررتُ به

Terjemahan: *Jika saya lupa maka tidak akan lupakan seorang pembakar roti yang aku selalu melihatnya*

BAB 7:
UNGKAPAN AL-QURAN "TEMPAT TERBIT MATAHARI" DENGAN KATA TUNGGAL, BILANGAN DUA DAN JAMAK MENUNJUKKAN KONTRADIKSI?

Kita masih membincangkan tentang mukjizat yang baru tentang penyusunan Ilahi terhadap ayat-ayat al-Quran dalam menyampaikan maknanya dalam Bahasa Arab. Penyusunan ayat-ayat Bahasa Arab yang istimewa berbeza dengan gaya bahasa yang dikarang oleh manusia.

Saya telah terangkan beberapa contoh ayat al-Quran yang membuktikan bagaimana al-Quran memilih perkataan dengan sangat tepat dalam memberi makna terhadap sesuatu perkara, dan apabila kita cuba menggantikannya dengan perkataan yang lain menggunakan mana-mana perkataan, kita tidak akan dapat menjumpai perkataan yang lebih tepat daripada perkataan yang digunakan al-Quran.

Boleh jadi ada yang mempersoal, mengapa *"Kami yang membawa belayar"*, bukankah bahtera yang membawa mereka belayar?

Jawapannya ialah Allah yang membuatkan bahtera boleh membawa mereka belayar, jadi Allah ﷻ yang sebenarnya yang membawa mereka belayar.

Ayat: "*Kami ciptakan untuk mereka, jenis-jenis kenderaan yang sama dengannya*" turut terpakai kepada kapal terbang, kereta dan apa sahaja kenderaan yang boleh dinaiki oleh manusia.

Ayat seterusnya menolak mereka yang mengatakan bahawa hanya hukum fiziklah yang membuatkan kapal boleh belayar:

﴿ وَإِن نَّشَأْ نُغْرِقْهُمْ فَلَا صَرِيخَ لَهُمْ وَلَا هُمْ يُنقَذُونَ ﴾

Terjemahan: *Kami boleh tenggelamkan mereka; (kiranya Kami lakukan yang demikian) maka tidak ada yang dapat memberi pertolongan kepada mereka, dan mereka juga tidak dapat diselamatkan.*

(*Surah Yasin* 36: 43)

"Saya yang membuat hukum itu. Saya yang tundukkan alam ini buat kamu (manusia)."

Siapakah yang boleh berkata seperti ini?

Terdapat perspektif baru lain yang boleh kita kaji iaitu yang berkait dengan *sunnatullah* iaitu peraturan Allah yang banyak disebut dalam al-Quran. Ia berkaitan dengan individu-individu, masyarakat, keadaan umat, serta jatuh dan bangunnya mereka.

Saya tidak ingin membicarakan *sunnatullah* ini secara umum kerana kebanyakannya telah ditulis dan dikaji panjang lebar. Apa yang saya ingin perkatakan ialah *sunnatullah* baru yang masih belum dikaji.

Contohnya *sunnatullah* dalam firman-Nya:

﴿ كُلُّ نَفۡسٖ ذَآئِقَةُ ٱلۡمَوۡتِۗ وَنَبۡلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلۡخَيۡرِ فِتۡنَةٗۖ وَإِلَيۡنَا تُرۡجَعُونَ ٣٥ ﴾

Terjemahan: *Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan.*

(*Surah al-Anbiya'* 21: 35)

Ini satu contoh peraturan Allah yang berkait dengan manusia, supaya manusia tidak terkejut dengan peraturan ini maka dinyatakan dalam al-Quran.

Antaranya adalah ayat-ayat berikut:

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوۡمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمۡۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوۡمٖ سُوٓءٗا فَلَا مَرَدَّ لَهُۥۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٖ ١١ ﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri*

Ini yang menjadi isi utama perbincangan kita, sekaligus juga menjadi antara isi utama yang menerangkan aspek baru dalam kemukjizatan al-Quran.

Perancangan-perancangan jahat Barat untuk menghancurkan Islam terlalu banyak dan ia semakin berkembang hari demi hari di sana (Barat). Tetapi yakinlah wahai saudara-saudariku sekalian, demi Allah, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan-Nya; cahaya Islam akan mulai sirna di sana.

Perkara ini yang menjadi keyakinan kami, tidak ada keraguan padanya lagi. Ini kerana cahaya Islam ini bukanlah hasil 'tenunan' (usaha) daripada Nabi Muhammad ﷺ semata-mata, tetapi ia adalah cahaya yang terbit daripada kekuasaan Allah ﷻ. Setiap manusia, sama ada di timur atau di barat, orang Arab mahupun orang bukan Arab, akan merasai nikmatnya beriman kepada Allah. Roh (jiwa) mereka adalah sama dengan roh setiap Nabi, para wali mahupun orang-orang soleh yang beriman, seperti yang digambarkan oleh Allah dalam firman-Nya:

﴿ فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِى فَقَعُوا۟ لَهُۥ سَٰجِدِينَ ﴿٢٩﴾ ﴾

Terjemahan: *Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya (Nabi Adam ﷺ), serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan)-Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya.*

(*Surah al-Hijr* 15: 29)

Roh yang merasai nikmat iman ini hanya memerlukan kepada sesuatu yang menyedarkannya untuk kembali

ke panutan asalnya (iaitu agama Islam). Tetapi kalau sekiranya tidak ada yang menyedarkannya, cukuplah ayat al-Quran yang menyuntik kesedaran padanya. Firman Allah ﷻ:

﴿ سَنُرِيهِمْ ءَايَٰتِنَا فِى ٱلْءَافَاقِ وَفِىٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ ﴾

Terjemahan: *Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar...*

(*Surah Fussilat* 41: 53)

Hakikat kebenaran inilah yang mesti kita perhalusi dengan sebaiknya.

Wahai saudara dan saudariku sekalian, ada satu perkara lagi yang hendak kami sampaikan. Tidakkah kalian pernah membaca ayat al-Quran ini:

﴿ وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِىٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا۟ بَلَىٰ شَهِدْنَآ ﴾

Terjemahan: *Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firman-Nya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" Mereka semua*

BAB 27:
SETIAP KALI KELUAR PENEMUAN SAINS, AGAMAWAN MENGATAKAN PERKARA INI TERDAPAT DALAM AL-QURAN!

Di penghujung perbincangan kita ini, ingin saya bentangkan kritikan-kritikan yang dilemparkan oleh orientalis dan yang sepertinya kepada Kitab Allah. Hal ini bagi membincangkan perkara ini sesuai dengan kaedah logik akal dan objektif tanpa sebarang unsur berat sebelah.

Kita mulakan kritikan yang ketiga. Ramai dalam golongan sekular dan modernis mengatakan setiap kali para saintis menemukan satu fakta sains atau isu kemasyarakatan, maka orang agama terus mengatakan Islam telah awal lagi menemukan perkara ini, sebelum anda menemukannya. Mereka katakan orang agama senyap tanpa memberitahu perkara baru ini, sehingga para saintis menemukannya dan ketika itu orang agama terjaga dan mengatakan perkara ini telah ditemukan lebih awal dalam Islam. Ini adalah kritikan yang dilemparkan kepada Islam.

Apakah jawapannya?

Sebelum para saintis membuat penemuan-penemuan dan sebelum mereka sedari perkara ini, apakah keperluan bagi ulama Islam - yang telah mengetahui hakikat ini dalam al-Quran yang masih belum lagi ditemui para saintis – untuk mengatakan ia ada dalam al-Quran? Ia seperti membunyikan loceng tanpa sebab. Orang gila pun tidak berbuat demikian.

Waktu saya kecil lagi (Sheikh lahir pada tahun 1929), saya telah membaca al-Quran yang menetapkan hakikat bahawa bumi ini berbentuk sfera dalam ayat:

﴿ وَٱلۡأَرۡضَ بَعۡدَ ذَٰلِكَ دَحَىٰهَآ ٣٠ ﴾

Terjemahan: *Dan bumi sesudah itu dihamparkannya (untuk kemudahan penduduknya).-*

(*Surah al-Nazi'at* 79: 30)

Apa keperluan untuk saya mengisytiharkan kepada orang ramai, marilah lihat al-Quran mengatakan bumi ini berbentuk sfera? Jika saya mengatakan demikian mungkin saya akan disifatkan dengan tidak siuman kerana tiada keperluan. Tetapi apabila manusia sudah bercakap tentang penemuan sains terbaru tentang bentuk bumi, graviti bumi dan sebagainya, maka sampailah masanya untuk orang Islam katakan pada mereka bahawa al-Quran terdapat ayat yang mengatakan hakikat itu, maka lihatlah ayat yang mengatakan tentang penemuan anda itu.

Saya ingin memberikan contoh yang berkaitan dengan isu sosial. Pada zaman ini, orang Barat sibuk memperkatakan tentang hak asasi wanita. Wanita mesti mendapat hak yang sama seperti lelaki dalam apa sahaja urusan. Apa sahaja penglibatan kemasyarakatan,

Dan saya mengatakan bahawa inilah bukti dalam al-Quran yang menyatakan graviti bumi. Jika tiada keperluan, pasti saya tidak akan mengatakannya. Saya memang membaca ayat ini dan memahami makna dan tafsirannya, dan saya fahami bahawa makna perkataan ﴿كِفَاتًا﴾ ialah menarik. Ayat ini bermaksud "bukankah Kami menjadikan bumi menarik dengan tarikan graviti ketika kamu hidup atau kamu mati". Saya tahu perkara ini. Namun, apabila datang seseorang yang mentohmah al-Quran bahawa ia bercanggah dengan sains, dan al-Quran kitab agama yang tidak terpakai untuk ilmu sains, maka sampailah masanya saya mengatakan bahkan al-Quran sendiri menerangkan tentang tarikan graviti bumi, dan ilmuan Islam telah memperkatakan tentangnya.

Sekiranya mereka katakan; mengapakah kamu diam, tetapi sekarang baru bersuara apabila kami telah mengatakan teori ini?

Maka kita jawab bahawa kami telah mengetahui perkara ini sejak kami fahami al-Quran, dan ilmuwan Islam telah memperkatakannya sejak 6 kurun yang lepas. Bacalah kitab *al-Mawaqif* yang ditulis A'dudin al-Iji dan Yunus ibn Qarrah – biarpun dia seorang Nasrani – dia menerangkan konsep graviti yang diambil daripada ayat Quran ini.

Yang penting, seorang Muslim tidak sepatutnya terlalu memperbesarkan perkara ini melainkan ada orang yang meraguinya dan mentohmah al-Quran. Inilah jawapan kita terhadap mereka.

Contoh lain mereka katakan bahawa Islam menzalimi perempuan. Islam menjadikan perempuan terkurung di rumah, tidak boleh keluar belajar, bekerja dan sebagainya. Maka kita katakan bahkan sebaliknya,

BAB 28:
ADAKAH TAMAN-TAMAN SYURGA (JANNAH) ADALAH CARA AL-QURAN MENGUASAI ORANG-ORANG ARAB YANG TINGGAL DI PADANG PASIR?

Kita telah bicarakan tentang sebahagian kritikan golongan orientalis serta pengikut mereka, dan kita juga telah menjawabnya secara objektif tanpa cenderung kepada mana-mana pihak.

Kritikan seterusnya yang cuba untuk kita kaji dan jawab ialah daripada penulis luar yang berkata: "Terdapat dalil yang menunjukkkan al-Quran adalah penulisan Muhammad. Dengan kebijaksanaannya, dia mendapatkan jalan untuk menguasai orang-orang Arab di Semenanjung Tanah Arab. Jalan yang digunakan oleh beliau untuk menakluki mereka adalah dengan melihat situasi orang Arab. Mereka sangat rindu untuk melihat kehijauan pokok-pokok yang menghayunkan dedahannya dek tiupan angin, tetapi mereka tidak dapat melihatnya. Mereka teringin untuk melihat kejernihan permukaan rantaian air yang mengalir di sungai-sungai dan yang memancut di mata air, tetapi mereka terhalang daripada melihat semua itu.

Oleh kerana orang-orang Arab tersangat rindu untuk melihat kehijauan pokok, tiupan angin dan aliran sungai-sungai, maka Nabi Muhammad (menurut tuduhan penulis itu) mengambil kesempatan daripada kelemahan mereka ini dengan menjanjikan mereka (jika mereka menjawab seruan Baginda) dengan sungai-sungai yang memancut, taman-taman yang menghijau dan sebagainya".

Begitulah Baginda didakwa mengkhayalkan mereka dengan pelbagai perkara yang dicintai oleh mereka. Kononnya Baginda memperdayakan mereka dengan titik kelemahan mereka ini supaya mereka tunduk kepada kekuasaan Baginda dan menyahut seruan Baginda.

Inilah kritikan yang telah saya baca dan saya juga telah mendengar beberapa kritikan yang lain yang ideanya seumpama ini yang telah diperkenalkan oleh ramai orang atau sebahagian orang.

Apakah jawapan bagi kritikan ini?

Jawapannya ialah mereka semua yang mengkritik ini tidak syak lagi belum membaca al-Quran dan belum mempelajarinya.

Sesungguhnya, mereka telah melihat al-Quran dengan pandangan kritikan dan mereka tertumpu kepada kalimah syurga yang diulang-ulang dalam al-Quran.

﴿ إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ كَانَتۡ لَهُمۡ جَنَّٰتُ ٱلۡفِرۡدَوۡسِ نُزُلًا ١٠٧ ﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, disediakan bagi mereka syurga-syurga Firdaus, sebagai tempat*

ikhlas diterima oleh Allah.

Di penghujung siri ini, perlu untuk kita ucapkan syukur kepada Allah yang telah memberi taufik kepada saya untuk menyampaikan kajian ini dan kepada tuan puan yang mengikutinya sehingga tamat. Kedua, perlulah kita menadah tangan dengan penuh kehambaan kepada Allah berdoa dengan sungguh-sungguh supaya al-Quran yang Allah jadikan ia mahkota dalam kehidupan kita, Kita mohon kepada Allah supaya menjadikan kitab ini sebagai sebab utama untuk dilapangkan dada kita, dipermudahkan urusan kita, dan diberi taufik dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan Allah kepada kita. Kita memohon supaya Allah memberi taufik yang sentiasa supaya kita menjadikan kitab ini sebagai sandaran kita, dan sebagai tali yang Allah perintahkan supaya kita berpaut padanya.

Saya memohon di akhir siri pengajian ini dengan hati yang penuh merendahkan diri; ucaplah amin, kerana mungkin ada di antara kita yang mustajab doanya.

اللَّهُمَّ إِنَّا عَبِيدُكَ، أَبْنَاء عَبِيدِكَ، وأَبْنَاء إِمَائِكَ، نَواصِينا بِيَدِكَ، مَاضٍ فِينا حُكْمُكَ، عَدْلٌ فِينا قَضَاؤُكَ، نَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمَّيْتَ بِهِ نَفْسَكَ، أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي محكم كِتَابِكَ، أَوْ عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ، أَوِ اسْتَأْثَرْتَ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ.

Terjemahan: *Ya Allah, kami adalah para hamba-Mu dan anak-anak kepada para hamba-Mu sama ada lelaki atau perempuan, dan Engkaulah yang mengusai kami. Ketentuan-Mu pasti berlaku pada*

kami, dan ketentuan Engkau adalah adil buat kami. Kami memohon kepada-Mu dengan segala nama yang Engkau namakan diri-Mu dengannya, atau yang Engkau wahyukan dalam kitab-Mu yang hebat, atau yang Engkau ajarkan kepada sebarang hamba-Mu, atau yang hanya Engkau sahaja yang memiliki ilmu tentangnya.

وَنَسْأَلُ بِذُلِّ عُبُودِيَّتِنَا لَكَ، وَبِعَظِيْمِ افْتِقَارِنَا إِلَيْكَ، أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ الكريمَ رَبِيعَ قُلُوبِنا، وَشِفاءَ صَدُورِنَا، وَجَلَاءَ غُمُومِنَا وهُمُومِنُا وأَحْزَانِنَا، واَنْ تُوَفِّقَنَا لِلتَّمَسُّكِ بِهِ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا، واَنْ تُكْرِمَنَا بِاتِّبَاعِ مَا أَكْرَمْتَنَا بِهِ، وَبِالِانْتِهَاءِ مَا قَدْ نَهَيْتَنَا عَنْهُ، وَبِاَنْ نَجْعَلَ مِنْ كِتَابِكَ هَذَا حَبْلَ الذِّيْ أَمَرْتَنَا بِالِاعْتِصَامِ بِه.

Terjemahan: *Kami memohon dengan penuh kerendahan rasa kehambaan terhadap-Mu dan dengan ketinggian pergantungan kami kepada-Mu agar Engkau menjadikan al-Quran sebagai sumber kebahagiaan kami, penawar hati kami, dan penghilang segala kesedihan, kerunsingan dan kehibaan kami. Engkau berilah taufik agar kami dapat menjadikan al-Quran sebagai panduan dan cara hidup. Muliakanlah kami untuk menuruti apa yang Engkau muliakan kami dengannya, juga untuk meninggalkan segala larangan-Mu, dan jadikanlah kitab-Mu ini sebagai tali yang telah Engkau perintahkan kami berpaut dengannya.*